



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**30 MAC 2017 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |  |    |
|--|----|
| - Air Selangor siap laporan kerja ganti paip | 36 |
| - Kes denggi tahun ini turun                 | 36 |



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
30 MAC 2017 (KHAMIS)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Air Selangor siap laporan kerja ganti paip
Muka Surat	36

*SH 30/3/17 MS 36 .*

### Air Selangor siap laporan kerja ganti paip

**SHAH ALAM** – Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) akan menyiapkan laporan kepada kerajaan negeri mengenai status kerja-kerja penggantian paip lama di 84 kawasan hotspot.

**ZAIDY**

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, pada tahun ini sebanyak 57 tapak hotspots akan dilancarkan.

“Perancangan pelaksanaan projek sedang berjalan dengan kerja-kerja reka bentuk yang disasarkan akan disiapkan pada bulan April 2017.

“Sebelum pelantikan kontraktor, Air Selangor akan berunding dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan jabatan kerja raya (JKR) untuk mendapatkan kelulusan permit mengorek



supaya kerja penggantian dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

“Semua PBT yang terlibat sudah dimaklumkan lebih awal oleh Air Selangor mengenai penggantian paip air lama di kawasan masing-masing,” katanya pada sesi perbahasan Sidang Dun.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Lee Kee Hiong, Adun (DAP-Kuala Kubu Bharu).

Zaidy (Pas-Taman Templer) berkata, bagi mengekalkan kualiti kerja jurutera perunding dilantik bagi mengawasi kerja pemasangan paip tersebut, selain daripada kakitangan Air Selangor yang turut mengawasi kerja-kerja di tapak.

“Kami jangka projek penggantian paip ini akan dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan,” katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
30 MAC 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kes denggi tahun ini turun
Muka Surat	36

## Kes denggi tahun ini turun

SH 30/3/17  
M/S 36

SHAH ALAM - Kes melibatkan demam denggi di Selangor untuk tahun 2017 mencatatkan penurunan sebanyak 36 peratus berbanding tahun lalu.

Exco Kesihatan,



Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, sehingga 25 Mac lalu, Selangor mencatatkan sebanyak 11, 598 kes demam denggi iaitu pengurangan sebanyak 6, 606 kes berbanding 2016 (18, 204 kes) bagi tempoh yang sama.

"Bagi memastikan kadar kes demam denggi terus berkurangan untuk tahun 2017, kerajaan melancarkan satu Program Semburan Aerosol Selangor (SAS) pada 26 Februari lalu di semua kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Program ini adalah satu langkah proaktif bagi mengawal dan mencegah

penularan wabak denggi yang bermula di rumah.

Ia diilhamkan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya penggunaan aerosol supaya dapat melindungi ahli keluarga di rumah daripada nyamuk Aedes," katanya ketika menjawab persoalan berkaitan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi daripada Adun Seri Muda, Adun Batu Tiga dan Adun Lembah Jaya pada sesi Sidang Dewan Negeri, hari ini.

Daroyah (PKR-Sementa) berkata, kaedah pencegahan itu amat mudah dilaksanakan oleh setiap isi rumah dengan mematuhi arahan yang terdapat pada label.

**■ Bagi memastikan kadar kes demam denggi terus berkurangan untuk tahun 2017, kerajaan melancarkan satu Program Semburan Aerosol Selangor (SAS) pada 26 Februari lalu di semua kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT)."**

- Daroyah